

NO. SOALAN: 52

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' AR. WAN MOHAMMAD KHAIR-IL
BIN WAN AHMAD [KUALA KANGSAR]**

RUJUKAN : 8006

SOALAN:

Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-Il Bin Wan Ahmad [Kuala Kangsar] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kes-kes salah laku di kalangan pengawal keselamatan yang semakin berleluasa. Adakah pengeluaran lesen mengikut piawaian yang ditetapkan dan apakah syarat-syaratnya.

JAWAPAN:

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Menteri Dalam Negeri diperuntukkan kuasa untuk mengeluarkan lesen kawalan keselamatan di bawah Akta Agensi Persendirian 1971 berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan. Antara syarat-syaratnya ialah:

- 1. Perancangan perniagaan bersama biodata pemegang saham dan ahli lembaga pengarah syarikat;**
- 2. Salah seorang pemegang saham terdiri daripada sekurang-kurangnya bekas pegawai tinggi Polis DiRaja Malaysia atau Angkatan Tentera DiRaja Malaysia yang berpangkat sekurang-kurangnya *Assistant Commissioner Police (ACP)* ATAU Kolonel ATAU bekas pegawai awam dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional yang berpangkat sekurang-kurangnya gred 52;**
- 3. Mempunyai modal berbayar RM300,000; dan**
- 4. Pegangan saham syarikat dimiliki oleh Bumiputra sebanyak 70%**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, setiap pemohon juga diwajibkan menghadiri temuduga oleh Kementerian dan lulus tapisan keselamatan oleh pihak polis.